

**DARIPADA KEDAULATAN POLITIK KEPADA LIABILITI SIVIL:
WANG SERAHAN, PENENTUAN WARIS SULTAN SULU DAN
STATUS BORNEO UTARA, 1936-1955**

*From Political Sovereignty to Civil Liability: Cession Money, the
Determination of the Sultan of Sulu's Heirs, and the Status of North
Borneo, 1936-1955*

Abdul Aziz Kong Abdul Alim¹ & Bilcher Bala^{*2}

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

^{*}Corresponding author: Bilcher@ums.edu.my

Dihantar: 13 Mac 2026 / Penambahbaikan: 29 Jun 2026

Diterima: 1 Oktober 2026 / Terbit: 31 Disember 2026

Abstrak

Kajian ini menganalisis perubahan kedudukan tuntutan waris Sultan Sulu berhubung wang serahan Borneo Utara (Sabah) daripada persoalan kedaulatan politik kepada liabiliti sivil antara tahun 1936 hingga 1955. Tumpuan diberikan kepada implikasi kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II pada tahun 1936, penentuan waris sah oleh Mahkamah Tinggi Borneo Utara, serta kesinambungan pembayaran wang serahan selepas Borneo Utara beralih daripada pentadbiran Syarikat Borneo Utara British kepada Koloni Mahkota British pada tahun 1946. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dokumentari berasaskan analisis sumber primer kolonial, khususnya siri CO 537, CO 874 dan CO 1022, di samping sumber sekunder berkaitan sejarah Borneo Utara, Kesultanan Sulu dan undang-undang antarabangsa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pentadbiran British tidak lagi menafsir tuntutan waris Sultan Sulu sebagai persoalan pengganti berdaulat, sebaliknya membingkainya sebagai hak benefisial, tuntutan probet dan obligasi kontraktual. Penerusan pembayaran wang serahan selepas tahun 1946 bukan bermaksud pengiktirafan terhadap kedaulatan baki Kesultanan Sulu, tetapi menunjukkan kesinambungan liabiliti kewangan yang diwarisi oleh pentadbiran Koloni Mahkota. Kajian ini menyumbang kepada perbincangan sejarah-perundangan dengan menjelaskan bagaimana tuntutan tradisional diserap ke dalam mekanisme kehakiman kolonial dan dipisahkan daripada tuntutan kedaulatan politik.

Kata Kunci : Kesultanan Sulu, Mahkamah Tinggi Borneo Utara, Penggantian Negara, Wang Serahan, Waris Sah

Abstract

This article examines the transformation of the Sultan of Sulu's heirs' claims concerning North Borneo cession money from a question of political sovereignty into a matter of civil liability through the issue of cession money between 1936 and 1955. It focuses on the implications of the death of Sultan Jamalul Kiram II in 1936, the determination of lawful heirs by the High Court of North Borneo, and the continuation of cession money payments after North Borneo was transferred from the administration of the British North Borneo Company to British Crown Colony administration in 1946. Using a documentary historical approach, the study analyses colonial primary sources, particularly CO 537, CO 874, and CO 1022 series, together with secondary works on North Borneo, the Sulu Sultanate and international law. The findings show that the British administration no longer treated the heirs' claims as a matter of sovereign succession. Instead, the claims were reframed as beneficial rights, probate-related entitlements and contractual obligations. The continuation of cession money payments after 1946 therefore did not constitute recognition of the Sulu Sultanate's residual sovereignty, but reflected the persistence of a financial liability inherited by the British Crown Colony administration. The article contributes to historical-legal scholarship by demonstrating how a traditional claim was absorbed into colonial judicial mechanisms and separated from the politics of territorial sovereignty.

Keywords : Cession Money, High Court of North Borneo, Lawful Heirs, State Succession, Sulu Sultanate

Pengenalan

Perjanjian 1878 antara Sultan Muhammad Jamalul Alam daripada Kesultanan Sulu dengan Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent menjadi asas penting dalam pembentukan hubungan perundangan antara Kesultanan Sulu, pihak British dan Borneo Utara. Perjanjian ini memperuntukkan bayaran tahunan kepada Sultan Sulu serta "waris atau penggantinya" sebagai balasan terhadap penyerahan hak dan kuasa ke atas wilayah tertentu di Borneo Utara. Walaupun pihak

Kerajaan British dan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) mentafsir perjanjian tersebut sebagai penyerahan kekal, penggunaan istilah "padjak" dalam teks Melayu-Jawi telah membuka ruang perbincangan panjang tentang sama ada dokumen tersebut bermaksud penyerahan mutlak atau pajakan.

Artikel ini menilai kesinambungan obligasi di bawah Perjanjian 1878 dengan menempatkan wang serahan sebagai indikator hubungan undang-undang yang berpanjangan antara pihak yang berkontrak dan pentadbiran kolonial. Tumpuan diberikan kepada pertikaian kelayakan penerima bayaran selepas kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II pada tahun 1936, apabila frasa "waris atau pengganti" memerlukan penentuan yang tegas dari segi autoriti dan bukti. Dalam konteks ini, Mahkamah Tinggi Borneo Utara tampil sebagai mekanisme institusi yang membingkai konsep waris sah melalui rasional kehakiman kolonial.

Kepentingan analisis ini meningkat apabila Borneo Utara beralih daripada pentadbiran SBUB kepada Koloni Mahkota British pada tahun 1946. Perubahan status tersebut menguji prinsip penerusan liabiliti serta konsistensi tafsiran dan pelaksanaan perjanjian lama dalam pentadbiran baharu. Penerusan pembayaran wang serahan selepas tahun 1946 tidak semestinya membawa maksud pengiktirafan terhadap kedaulatan baki Kesultanan Sulu, sebaliknya memperlihatkan bagaimana obligasi kewangan diwarisi dan diurus dalam kerangka pentadbiran Koloni Mahkota British.

Artikel ini berhujah bahawa antara tahun 1936 hingga 1955, tuntutan waris Sultan Sulu berhubung wang serahan Borneo Utara mengalami transformasi daripada persoalan kedaulatan politik kepada liabiliti sivil. Transformasi ini berlaku melalui penentuan waris sah oleh Mahkamah Tinggi Borneo Utara, penerusan obligasi pembayaran selepas perubahan status Borneo Utara kepada Koloni Mahkota British, dan pemisahan antara hak kewangan waris dengan tuntutan kedaulatan politik. Dengan meneliti dokumen kolonial British, keputusan kehakiman dan rekod pembayaran wang serahan, artikel ini menjelaskan bagaimana tuntutan tradisional diserap ke dalam mekanisme kehakiman kolonial dan dipisahkan daripada politik kedaulatan wilayah.

Latar Belakang

Perjanjian bertarikh 22 Januari 1878 antara Sultan Muhammad Jamalul Alam daripada Kesultanan Sulu dengan wakil kepentingan komersial British, Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent, menjadi asas perundangan bagi pemerolehan hak dan kuasa pentadbiran di wilayah Borneo Utara oleh SBUB. Dalam rekod kolonial dan kehakiman, dokumen ini dirujuk sebagai Surat Ikatan Penyerahan 1878 (*Deed of Cession 1878*), yang ditafsir sebagai instrumen geran, iaitu "memberi dan menyerahkan" (*grant and cede*) hak dan kuasa secara kekal, walaupun teks asal Melayu-Jawi menggunakan istilah "padjak" yang membuka ruang tafsiran pajakan (*lease*). Dalam penghakiman Mahkamah Tinggi Borneo Utara pada tahun 1939, Perjanjian Penyerahan 1878 ini telah diuraikan sebagai "penyerahan untuk selama-lamanya" (*grant in perpetuity*). Perjanjian ini memperuntukkan penyerahan hak dan kuasa ke atas wilayah tertentu di Borneo Utara yang bermula dari Sungai Pandasan di pantai barat laut dan memanjang sepanjang pantai timur hingga ke Sungai Sibuku, termasuk wilayah dan pulau dalam lingkungan tiga liga maritim dari pesisir. Pihak Overbeck-Dent selaku penerima hak serahan di bawah Perjanjian 1878, dan kemudiannya SBUB sebagai penerus kepentingan tersebut, bertanggungjawab membuat bayaran tahunan kepada Sultan serta waris atau penggantinya sebagai balasan terhadap penyerahan tersebut. Bayaran tahunan ini dikenali sebagai wang serahan (*cession money*) sebanyak \$5,000 dolar Mexico setahun (CO 874/22).

Perjanjian ini berfungsi sebagai instrumen perundangan utama yang mendasari keabsahan (*legitimacy*) kuasa dan pentadbiran SBUB di wilayah berkenaan dan kedudukan tersebut kemudiannya diperkukuhkan melalui Perjanjian Pengesahan 1903 yang menambah bayaran tahunan sebanyak \$300, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan wang serahan meningkat daripada \$5,000 kepada \$5,300 setahun (CO874/53). Sultan Jamalul Kiram II menaiki takhta pada tahun 1894 dan mangkat pada 7 Jun 1936. Pada tarikh tersebut, pembayaran baki wang serahan berjumlah \$3,734.07 dilaporkan masih belum dilunaskan kepada Sultan (CO874/942). Berdasarkan Perjanjian Penyerahan 1878, pembayaran tersebut hendaklah diteruskan selepas kemangkatan Sultan kepada "waris atau penggantinya". Walau bagaimanapun, selepas kemangkatan Jamalul Kiram II, pihak Kerajaan British tidak lagi memperakui institusi Kesultanan Sulu sebagai entiti politik berdaulat yang berkesinambungan. Hal ini terserlah dalam surat bertarikh 28 Julai 1936 daripada Konsul Jeneral British di Manila

kepada Gabenor Borneo Utara, yang meletakkan isu pewarisan Kesultanan Sulu dalam kerangka pentadbiran dan perundangan kolonial, bukannya sebagai persoalan pengiktirafan terhadap pengganti berdaulat. Pada tahun 1946, Borneo Utara telah diisytiharkan sebagai Koloni Mahkota British atau Koloni Mahkota Borneo Utara berikutan kemusnahan besar akibat pendudukan Jepun dan keperluan penyusunan semula pentadbiran. Peralihan daripada pentadbiran syarikat berpiagam kepada pentadbiran langsung Mahkota British menimbulkan isu perundangan tentang sama ada obligasi pembayaran tahunan yang dipersetujui pada tahun 1878 masih berkuat kuasa di bawah entiti politik baharu.

Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang pihak yang berhak diiktiraf sebagai waris sah bagi tujuan penerimaan wang serahan yang terus terkumpul pada kadar \$5,300 setahun sejak 7 Jun 1936. Pentadbiran Koloni Mahkota Borneo Utara berpendapat bahawa penentuan waris yang sah tidak boleh dibuat secara pentadbiran semata-mata, sebaliknya perlu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Borneo Utara bagi menjamin kepastian undang-undang. Justeru, isu ini bukan sahaja menyentuh persoalan pewarisan, malah turut melibatkan tafsiran terhadap instrumen Perjanjian 1878, prinsip kesinambungan obligasi (*continuity of obligations*) dan kedudukan undang-undang sesebuah perjanjian apabila berlaku perubahan status politik wilayah Borneo Utara.


Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini menggariskan tiga persoalan utama. Pertama, siapakah yang boleh diiktiraf sebagai waris sah bagi tujuan penerimaan wang serahan selepas kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II pada tahun 1936? Kedua, adakah pentadbiran Koloni Mahkota Borneo Utara terikat untuk meneruskan pembayaran sebagaimana diperuntukkan dalam Perjanjian 1878 dan Perjanjian Pengesahan 1903? Ketiga, apakah mekanisme perundangan yang digunakan oleh pentadbiran Koloni Mahkota Borneo Utara dalam menangani pertikaian tuntutan waris tersebut? Dengan meneliti persoalan ini, perbincangan akan menilai dimensi sejarah, perundangan dan politik yang membentuk peralihan tuntutan waris Sultan Sulu daripada persoalan kedaulatan politik kepada liabiliti sivil dalam tempoh peralihan daripada pentadbiran SBUB kepada Koloni Mahkota British.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan disiplin sejarah yang berteraskan kaedah heuristik, kritikan sumber dan analisis interpretatif bagi meneliti transformasi status Borneo Utara serta implikasinya terhadap tuntutan waris Sultan Sulu berhubung wang serahan. Seperti ditunjukkan dalam Rajah 1, kaedah heuristik digunakan untuk menjejak, mengumpul dan menyemak sumber primer kolonial yang berkaitan dengan Perjanjian 1878, Perjanjian Pengesahan 1903, pembayaran wang serahan, penentuan waris sah dan perubahan status Borneo Utara kepada Koloni Mahkota British.

Dokumen kolonial diperoleh daripada The National Archives, Kew, United Kingdom, secara dalam talian melalui pangkalan data GALE yang diakses menerusi Perpustakaan Negeri Sabah. Antara sumber utama yang digunakan ialah dokumen siri CO 537, CO 874 dan CO 1022 yang mengandungi laporan rasmi, penyata kewangan tahunan, surat-menyurat pentadbiran, keputusan mahkamah dan perbincangan kolonial berkaitan pembayaran wang serahan kepada waris Sultan Sulu. Dokumen ini dianalisis secara sistematik bagi mengenal pasti kedudukan undang-undang, rasional pentadbiran dan perubahan dasar berkaitan pembayaran tersebut, khususnya dalam konteks hubungan antara waris Sultan Sulu, pentadbiran British dan kerajaan Filipina selepas Perang Dunia Kedua.

Kritikan sumber dilakukan bagi menilai ketulenan, kewibawaan dan konteks penghasilan dokumen kolonial tersebut. Analisis interpretatif pula digunakan untuk menafsir perubahan makna wang serahan daripada isu yang berkait dengan kedaulatan politik kepada liabiliti sivil dalam sistem perundangan kolonial British. Bagi memperkukuh analisis sumber primer, sumber sekunder seperti artikel jurnal dan buku dirujuk sebagai pelengkap kepada perbincangan sejarah, perundangan dan politik yang mendasari kajian ini.



HEURISTIK

Rajah 1: Aliran Carta Metodologi

Kajian mengenai sejarah gerakan anti Jepun dalam kalangan bumiputera Islam di Sabah masih kurang dibincangkan akibat kekangan sumber dokumen dan yang terdapat pada masa kini lebih memfokuskan kepada perbincangan "sejarah dari atas". Justeru itu, penulisan ini akan memfokuskan "sejarah dari bawah" berpanduan sejarah lisan daripada Arkib Negeri Sabah sebagai sebahagian daripada metode kualitatif yang dapat memelihara dan mendokumentasikan pengalaman masyarakat yang kian dilupakan. Keperluan pengaplikasian metode sejarah lisan diperlihatkan kerana kekurangan maklumat berkaitan Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Sabah khususnya.

Kajian Lepas

Kajian terdahulu tentang tuntutan Sulu terhadap Borneo Utara telah lama dibahaskan dalam historiografi Sabah, sejarah kolonial British dan wacana undang-undang antarabangsa. Perbahasan ini lazimnya tertumpu kepada tafsiran Perjanjian 1878 antara Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent, khususnya sama ada dokumen tersebut membawa maksud penyerahan mutlak atau pajakan. Perjanjian ini kemudiannya menjadi asas kepada pemberian Piagam Diraja 1881 kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB), sekali gus membentuk kerangka pentadbiran kolonial di Borneo Utara (Tregonning, 1965; Saunders, 1980).

Dalam literatur Barat, tafsiran dominan cenderung melihat Perjanjian 1878 sebagai penyerahan hak dan kuasa secara muktamad. K. G. Tregonning menegaskan bahawa pembentukan SBUB dan pengiktirafan kuasa-kuasa Eropah memberikan keabsahan antarabangsa terhadap pemerolehan wilayah tersebut (Tregonning, 1965). Nicholas Tarling pula melihat istilah "pajak" dalam teks Melayu-Sulu melalui kerangka amalan undang-undang antarabangsa abad ke-19 yang membenarkan pemindahan hak wilayah melalui perjanjian bertulis dan pengiktirafan imperialis (Tarling, 1978). Dalam pendekatan ini, kesinambungan autoriti daripada Sultan Sulu kepada SBUB, dan seterusnya kepada pentadbiran Koloni Mahkota British, dianggap selaras dengan doktrin positivisme undang-undang antarabangsa.

Sebaliknya, sebahagian sarjana tempatan dan serantau memberikan tafsiran yang lebih kritikal terhadap Perjanjian 1878. Mohd Jamil Al-Sufri (1990a, 1990b) dan Cesar Adib Majul (1973), misalnya, menekankan dimensi sejarah Kesultanan Sulu dan mempertikaikan tafsiran "pajak" sebagai penyerahan mutlak. Dalam kerangka ini, istilah tersebut dinilai lebih hampir kepada maksud pajakan, manakala pembayaran tahunan wang serahan dilihat sebagai tanda wujudnya hubungan perundangan yang berterusan antara waris Sultan Sulu dengan pihak pentadbir Borneo Utara. Pendekatan ini turut memperlihatkan perbezaan antara konsep kedaulatan tradisional di Alam Melayu dengan model kedaulatan negara bangsa moden yang dibawa oleh kuasa Barat.

Bagi tempoh pentadbiran SBUB, literatur seperti Rutter (1922), Saunders (1980) dan Tregonning (1965) menekankan bahawa Piagam Diraja 1881 telah meletakkan SBUB sebagai entiti berautoriti yang memiliki kuasa pentadbiran, perundangan dan kehakiman di Borneo Utara. Pentadbiran tanah, pengukuran sempadan, penguatkuasaan undang-undang dan pelaksanaan kuasa pentadbiran di lapangan sering dilihat sebagai bukti pendudukan berkesan. Dalam kerangka ini, pembayaran wang serahan kepada Sultan Sulu dan warisnya ditafsirkan sebagai obligasi kewangan yang berpunca daripada perjanjian, bukan sebagai pengiktirafan terhadap kedaulatan baki Kesultanan Sulu.

Namun, tafsiran tersebut tidak diterima secara mutlak oleh semua sarjana. Sebahagian penulisan tempatan menegaskan bahawa kesinambungan pembayaran wang serahan mempunyai makna politik dan simbolik kerana bayaran tersebut menunjukkan bahawa hubungan perundangan antara waris Sultan Sulu dengan pihak pentadbir Borneo Utara tidak pernah terputus sepenuhnya. Perbezaan tafsiran ini memperlihatkan jurang antara pendekatan positivisme perundangan Barat yang menekankan dokumen, pengiktirafan dan pendudukan berkesan dengan pendekatan sejarah kritikal yang memberi perhatian kepada hak sejarah, bahasa perjanjian dan kesinambungan hubungan tradisional.

Perubahan status Borneo Utara pada tahun 1946 daripada pentadbiran SBUB kepada Koloni Mahkota British menambah dimensi baharu dalam perbahasan ini. Dalam kerangka undang-undang antarabangsa, perubahan tersebut boleh dibaca melalui prinsip penggantian negara, iaitu pemindahan hak dan tanggungjawab daripada satu entiti pentadbiran kepada entiti pentadbiran yang baharu (O'Connell, 1967). Dari sudut ini, obligasi pembayaran wang serahan tidak semestinya terbatal dengan berakhirnya pentadbiran SBUB. Sebaliknya, ia boleh terus dianggap sebagai liabiliti kewangan yang diwarisi oleh pentadbiran Koloni Mahkota British. Namun, persoalan yang lebih penting ialah sama ada kesinambungan pembayaran tersebut membawa makna politik atau sekadar mencerminkan penerusan tanggungjawab kontraktual.

Sorotan literatur di atas menunjukkan bahawa perbahasan akademik lebih banyak tertumpu kepada tafsiran Perjanjian 1878, maksud istilah "padjak", persoalan kedaulatan dan keabsahan pemerolehan Borneo Utara. Walau bagaimanapun, literatur sedia ada kurang memberikan perhatian khusus terhadap perkembangan selepas kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II pada tahun 1936, khususnya mengenai penentuan waris sah, kedudukan wang serahan sebagai hak benefisial dan kesinambungan obligasi pembayaran selepas Borneo Utara menjadi Koloni Mahkota British pada tahun 1946. Di sinilah letaknya jurang kajian yang ingin ditangani oleh artikel ini.

Pertama, persoalan tentang siapa yang diiktiraf sebagai waris sah bagi tujuan penerimaan wang serahan selepas tahun 1936 masih kurang dibincangkan secara mendalam. Kedua, perbahasan tentang sama ada pentadbiran Koloni Mahkota British terikat untuk

meneruskan pembayaran tahunan memerlukan penelitian lebih khusus terhadap prinsip kesinambungan obligasi dan penggantian negara. Ketiga, mekanisme perundangan yang digunakan oleh pentadbiran kolonial, khususnya peranan Mahkamah Tinggi Borneo Utara dalam menentukan hak waris, masih belum diberikan perhatian yang memadai dalam literatur arus perdana.

Sehubungan itu, artikel ini mengemukakan pendekatan sejarah-perundangan yang menilai tuntutan waris Sultan Sulu berhubung wang serahan Borneo Utara dalam tempoh 1936 hingga 1955. Penekanan diberikan kepada bagaimana tuntutan yang berakar daripada perjanjian politik abad ke-19 telah diserap ke dalam mekanisme kehakiman kolonial dan dibingkai sebagai hak benefisial, tuntutan probet serta liabiliti kontraktual. Dengan pendekatan ini, artikel ini mengalihkan tumpuan daripada perbincangan umum tentang kedaulatan kepada mekanisme khusus yang digunakan oleh pentadbiran British untuk memisahkan hak kewangan waris daripada tuntutan kedaulatan politik.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

a) Penentuan Waris Sah Sultan Sulu bagi Tujuan Penerimaan Wang Serahan selepas 1936

Kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II pada 7 Jun 1936 menandakan berakhirnya kedudukan seorang sultan yang diperakui dalam rekod kolonial sebagai penerima sah wang serahan berdasarkan Perjanjian 1878 dan Perjanjian Pengesahan 1903. Dapatan kajian menunjukkan bahawa selepas kemangkatan baginda, tidak wujud pengiktirafan muktamad terhadap seorang pengganti tunggal yang diterima secara konsensus dalam kalangan pewaris Sultan Sulu.

Rekod kolonial memperlihatkan bahawa tuntutan dibuat oleh beberapa individu yang mendakwa mempunyai hubungan genealogi dengan institusi Kesultanan Sulu. Namun demikian, pentadbiran SBUB dan kemudiannya pentadbiran kolonial British tidak memberikan pengiktirafan politik kepada mana-mana individu sebagai "Sultan" yang baharu. Hal ini kerana institusi Kesultanan Sulu selepas tahun 1936 tidak lagi diperakui oleh pihak British sebagai entiti politik berdaulat yang berkesinambungan.

Dari sudut perundangan, dapatan menunjukkan bahawa pentadbiran kolonial mentafsir frasa "heirs or successors" dalam Perjanjian 1878 sebagai persoalan hak penerimaan wang serahan, bukannya sebagai persoalan penggantian kedaulatan. Oleh itu, isu ini dialihkan daripada kerangka politik kepada persoalan probet (*probate*) dan hak benefisial (*beneficial rights*). Pendekatan ini memisahkan simbol institusi kesultanan daripada hak kewangan yang terbit daripada perjanjian, sekali gus memperlihatkan proses awal perubahan tuntutan waris Sultan Sulu daripada persoalan kedaulatan politik kepada liabiliti sivil.

b) Surat Kuasa Wakil 1946 dan Penginstitusian Tuntutan Waris dalam Kerangka Perundangan

Analisis terhadap dokumen kolonial dan Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) waris Sultan Sulu menunjukkan bagaimana tuntutan yang dikaitkan dengan wang serahan dan kepentingan waris terhadap Borneo Utara diterjemahkan ke dalam kerangka perundangan formal pada era pasca Perang Dunia Kedua. Dua sumber utama memperlihatkan proses ini, iaitu ketetapan Mahkamah Tinggi Borneo Utara 1939 berhubung pengiktirafan waris sah dan Surat Kuasa Wakil yang ditandatangani di Jolo pada 29 November 1946.

Surat Kuasa Wakil tersebut memperlihatkan bahawa beberapa orang waris Sultan Sulu melantik Agripino P. Escareal, seorang anggota Kongres Filipina, sebagai wakil sah untuk berunding, menjual, menyerahkan atau memindahkan hak dan kepentingan yang mereka dakwa berkaitan dengan Borneo Utara. Dalam dokumen tersebut, waris berkenaan merujuk diri mereka sebagai pihak yang mempunyai kepentingan terhadap wilayah yang ketika itu dikenali sebagai *British North Borneo*. Namun, rujukan sedemikian perlu dibaca secara kritikal kerana ia mencerminkan pendirian dan tuntutan waris, bukannya pengiktirafan kedaulatan oleh pihak British. Dalam dokumen tersebut menyatakan:

We. Putli Tarhatra Kiram, Putli Sakinol In Kiram, Datu Ismael Kiram, Datu Punjungan Kiram, Sitti Rada Kiram, Sitti Malisum Kiram and Sitti Jahara Kiram, the heirs to the territory of the British North Borneo Company duly recognised as such by the Court of the Philippines Islands and of the High

Court of the British North Borneo, hereby appoint the Honourable Agripino P. Escareal, Member Congress of the Philippines, as our true and lawful attorney in fact for us and in our stead to negotiate and sell all our rights and interests over the territory now known as British North Borneo, Describe and bound as follows –

All the territories and lands being tributary to us on the mainland of the Island of Borneo concerning from the Pandasan River on the North-West Coast and Extending along the whole East coast as far the Sibuco River in the South and comprising amongst others the States of Paitan, Sugut, Bangaya, Labuk, Sandakan, Kinabatangan, Mumiang, and all other territories and estates of Southward thereof bordering on Darvel Bay and as far as three maritime leagues of this coast. That this authority is granted to the Honourable Agripino P. Escareal above mentioned for and in consideration of the sum of the value of (\$2,000) Two Thousand Pesos, Philippine Currency for each the heirs. That the condition of this authority is that the said Honourable Agripino P. Escareal the attorney in fact shall sell, cede and transfer to whoever agrees to purchase our rights and interests including warranty of title over the said territory abode-describe, in our name and stood, and to collect and receive such sum or sums of money as may be paid for the same. Hereby ratifying all his acts in relation to the subject matter of this power of attorney as if he had been performed by each and every one of. In witness whereof, the parties have hereunto signed this power of attorney in the municipality of Jolo of Sulu, signed this power of attorney in the Municipality of Jolo, Province of Sulu, Philippine Islands this 29th day of November 1946.

Petikan penting daripada dokumen tersebut menyatakan bahawa waris Sultan Sulu melantik Escareal sebagai "true and lawful attorney-in-fact" untuk mengurus "all our rights and interests over the territory now known as British North Borneo". Frasa ini penting kerana

ia menunjukkan bahawa waris Sultan Sulu berusaha menginstitusikan tuntutan mereka melalui mekanisme perundangan moden, khususnya melalui pelantikan wakil sah, bukan semata-mata melalui struktur tradisional kesultanan.

Walaupun bagaimanapun, kepentingan dokumen ini tidak harus ditafsirkan sebagai bukti pengiktirafan kedaulatan politik Kesultanan Sulu terhadap Borneo Utara. Sebaliknya, dokumen tersebut lebih jelas menunjukkan usaha waris untuk menukar tuntutan tradisional kepada bentuk tuntutan yang boleh diurus melalui instrumen undang-undang, perwakilan sah dan transaksi kewangan. Dalam konteks artikel ini, Surat Kuasa Wakil 1946 memperlihatkan proses awal penginstitusian tuntutan waris dalam kerangka perundangan moden, sekali gus menguatkan hujah bahawa isu tersebut bergerak daripada persoalan kedaulatan politik kepada liabiliti sivil dan hak benefisial.

Dokumen ini disokong oleh tandatangan sembilan waris untuk proses pengesahan. Peristiwa ini juga dapat dilihat dalam satu upacara melalui proses pelantikan secara rasmi di hadapan mahkamah pada 29 November 1946 untuk pengesahan perundangan (*legal authentication*). Proses ini bertujuan mengesahkan bahawa dokumen tersebut ditandatangani di hadapan seorang notari awam oleh individu yang sebenar, sekali gus membuktikan bahawa mereka tidak dipaksa, bertindak secara sukarela dan memahami kandungan dokumen tersebut. Hal ini amat penting dalam dokumen seperti Surat Kuasa Wakil dan merupakan lampiran dokumen yang sah di Mahkamah.

Dokumen ini menunjukkan bahawa sembilan waris Sultan Sulu (rujuk Jadual 1) melantik Agripino P. Escareal sebagai wakil mutlak (*attorney-in-fact*) untuk menjual, menyerahkan dan memindahkan hak mereka ke atas wilayah yang dikenali sebagai Borneo Utara. Wilayah yang diwakili merangkumi kawasan luas dari Sungai Pandasan (utara-barat) sepanjang pantai timur hingga Sungai Sibuco (selatan), termasuk daerah Paitan, Sugut, Bangaya, Labuk, Sandakan, Kinabatangan dan Mumiang. Setiap waris menerima bayaran 2,000 peso Filipina sebagai balasan (*consideration*).

Analisis terhadap dokumen ini menonjolkan beberapa dimensi penting. Pertama, waris Sultan Sulu menggunakan instrumen perundangan moden bagi menyusun dan mengemukakan tuntutan mereka. Dalam hal ini, Mahkamah Filipina dan Mahkamah Tinggi

Borneo Utara mengiktiraf hak waris secara formal bahawa mereka mempunyai keabsahan antarabangsa untuk mengurus dan memindahkan hak mereka. Kedua, pelantikan Escareal sebagai wakil sah menunjukkan usaha untuk menukar tuntutan tradisional kepada tindakan perundangan dan kewangan yang lebih formal. Dengan kata lain, hal ini mentransformasikan hak tradisional kepada transaksi perundangan dan kewangan, sekaligus meletakkan hak waris dalam kerangka perundangan moden. Ketiga, walaupun dokumen ini menyebut hak dan kepentingan terhadap Borneo Utara, kandungannya lebih jelas berkaitan dengan pelaksanaan kuasa wakil, penerima bayaran dan pemindahan kepentingan, bukannya pengiktirafan kedaulatan politik. Ia lebih menekankan hak untuk menerima bayaran dan menjual hak, tetapi tidak memberi pengiktirafan kedaulatan terhadap wilayah Borneo Utara, terutamanya konsisten dengan keputusan Mahkamah Tinggi pada tahun 1947.

Jadual 1: Senarai Waris Sultan Sulu

Nama	No. Sijil Kediaman	Tarikh Dikeluarkan
Putli Tarhata Kiram	No. A2873265	Jolo, Sulu 12 Februari 1946
Putli Sakinur In Kiram	No. A870676	Jolo, Sulu 26 Mac 1946
Datu Ismail Kiram	No. A1494027	Jolo, Sulu 21 Mei 1946
Datu Punjungan Kiram.	No. A65827	Jolo, Sulu 17 mei 1946
Siti Radda Kiram	No. A907758	Jolo, Sulu 23 Mac 1946
Siti Malisum Kiram	No. A962735	Jolo, Sulu 23 Mac 1946
Putli Jahara Kiram	No. A962735	Jolo, Sulu 17 Mei 1946

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari CO537/2181. Colonial Office and predecessors. Confidential Original Correspondence. 1947. The National Archives (Kew, United Kingdom)

Gabungan Surat Kuasa Wakil 1946 dan ketetapan Mahkamah Tinggi Borneo Utara pada tahun 1939 menunjukkan bahawa tuntutan waris Sultan Sulu yang mempunyai latar tuntutan wilayah telah diurus dalam kerangka kewangan, harta pusaka dan hak benefisial, bukan

sebagai tuntutan kedaulatan politik. Struktur pelantikan wakil sah dan pengesahan waris mencerminkan proses penginstitutionan tuntutan tradisional ke dalam mekanisme undang-undang kolonial. Pendekatan ini memperlihatkan proses penyahpolitikan unsur tuntutan wilayah (*depoliticization of territorial claims*), apabila tuntutan tersebut tidak diproses sebagai persoalan kedaulatan, sebaliknya dikendalikan melalui isu wang serahan, hak waris dan liabiliti kewangan. Dengan kata lain, pentadbiran kolonial memisahkan persoalan kedaulatan politik daripada tuntutan kewangan waris, lalu menempatkan isu wang serahan dalam kerangka perundangan dan pentadbiran kolonial. Hal ini memperlihatkan bahawa kedaulatan politik dikawal sepenuhnya atau kekal berada di bawah pentadbiran kolonial, manakala tuntutan waris diurus sebagai tuntutan kewangan dan perundangan.

c) Kesenambungan Obligasi Pembayaran selepas 1946

Pada tahun 1946, Borneo Utara diisytiharkan sebagai Koloni Mahkota Borneo Utara bagi menggantikan pentadbiran SBUB. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubahan status ini tidak serta-merta membatalkan obligasi pembayaran tahunan sebanyak \$5,300 yang diperuntukkan dalam Perjanjian 1878 dan Perjanjian Pengesahan 1903. Dari perspektif undang-undang antarabangsa klasik, prinsip penggantian negara dan kesinambungan obligasi digunakan bagi menyokong penerusan tanggungjawab tersebut. Kerajaan British mengambil kedudukan bahawa obligasi kewangan yang dipersetujui oleh SBUB merupakan liabiliti kontraktual yang diwarisi oleh pentadbiran Koloni Mahkota British, selagi tidak dibatalkan secara sah.

Namun demikian, dapatan turut menunjukkan bahawa pembayaran tersebut ditafsirkan sebagai kewajipan kontraktual yang bersifat kewangan, bukan sebagai pengiktirafan terhadap kedaulatan baki Kesultanan Sulu. Dalam erti kata lain, pembayaran diteruskan atas asas komitmen perjanjian, bukan atas asas hubungan politik yang berterusan. Menurut dokumen kolonial yang merekodkan catatan mengenai pembayaran wang serahan kepada waris Sultan Sulu, berdasarkan nasihat perundangan yang diperolehi, tidak timbul keraguan bahawa Mahkota British telah menerima tanggungjawab untuk pembayaran tersebut, meskipun terdapat kelewatan dalam pengurusannya oleh SBUB. Pihak SBUB turut dimaklumkan bahawa pembayaran akan dibuat dalam keadaan yang wajar, selaras dengan keputusan Mahkamah Tinggi, yang menetapkan tanggungjawab

pembayaran tunggakan, termasuk bayaran pokok yang tertunggak, faedah atau pampasan lain [semak rujukan: CO 537/2181 atau CO 537/21/81]. Jadual 2 memperlihatkan perincian penyata kewangan berkaitan bayaran wang serahan kepada waris Sultan Sulu.

Jadual 2 Perincian Penyata Kewangan Bayaran Serahan Waris Sultan Sulu

Penyata Wang Serahan Sultan Sulu					
Jumlah Bayaran Tahunan \$5,300	Jumlah Keseluruhan yang perlu dibayar bagi tempoh 10 tahun berakhir pada 23.9.1951.	Bayar		Baki Perlu Bayar	
		Tempoh	Amaun	Tempoh	Amaun
Waris meninggal		Tarikh hingga meninggal dunia			
Dayang- Dayang Haji Piando Kiram 3/8	19,875.00	24.9.41- 22.8.45	7,944.55	23.9.45.- 23.9.51	11,930.4 5
Mora Napsa, 1/24	2,208.33	-	-	10 tahun -23.9.51	2,208.33
Siiti Mariam Kiram ½	2,208.33	-	-	10 tahun 23.9.51	2,208.33
Waris Masih Hidup		Tarikh bayaran hingga tahun 1950			
Putli Tarhata Kiram 3/16	9,937.50	9 tahun – 23.9.50	8,943.84	Tahun 23.9.51	993.66
Putli Sokinur In Kiram 3/16	9,937.50	9 tahun – 23.9.50	8,943.84	Tahun 23.9.51	993.66
Esmail Kiram 1/24	2,208.33	9 tahun – 23.9.50	1,987.47	Tahun 23.9.51	220.86

*Daripada Kedaulatan Politik kepada Liabiliti Sipil: Wang Serahan,
Penentuan Waris Sultan Sulu dan Status Borneo Utara, 1936-1955*

Datu Punjungan Kiram 1/24	2,208.33	9 tahun – 23.9.50	1,987.47	Tahun 23.9.51	220.86
Sitti Rada Kiram 1/24	2,208.34	9 tahun – 23.9.50	1,987.47	Tahun 23.9.51	220..87
Sitti Putli Jahara Kiram 1/24	2,208.34	9 tahun – 23.9.50	1,987.47	Tahun 23.9.51	220.87
Jumlah Keseuruh an	\$53,000.00		\$33,782. 11		\$19,217.8 9

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari. CO 1022/217. Payment of Cession Monies to Living Heirs of the Sultan of Sulu, North Borneo. 1952-1955. The National Archives (Kew, United Kingdom)

Jadual 2 menunjukkan bahawa wang serahan masih direkodkan, dikira dan diuruskan selepas perubahan status Borneo Utara kepada Koloni Mahkota British. Penyata tersebut memperincikan jumlah bayaran tahunan sebanyak \$5,300, jumlah keseluruhan \$53,000 bagi tempoh sepuluh tahun yang berakhir pada 23 September 1951, jumlah yang telah dibayar sebanyak \$33,782.11, serta baki yang masih perlu dibayar sebanyak \$19,217.89. Hal ini menunjukkan kesinambungan obligasi kewangan yang berpunca daripada Perjanjian 1878 dan Perjanjian Pengesahan 1903, walaupun pentadbiran Borneo Utara telah beralih daripada SBUB kepada pentadbiran langsung Mahkota British. Dari sudut analisis sejarah-perundangan, penyata ini penting kerana ia memperlihatkan bahawa kewajipan pembayaran tidak ditamatkan selepas tahun 1946, tetapi disusun semula dalam kerangka pentadbiran Koloni Mahkota British. Pada masa yang sama, perincian bayaran kepada waris yang masih hidup dan waris yang telah meninggal dunia menunjukkan bahawa isu wang serahan diperlakukan sebagai persoalan hak kewangan, pewarisan dan liabiliti pentadbiran, bukan sebagai pengiktirafan terhadap kedaulatan politik Kesultanan Sulu. Malah, kewujudan perbincangan awal antara tahun 1950 hingga 1952 untuk menggabungkan bayaran tahunan kepada satu bayaran pual (*lump sum*) yang kemudiannya muncul dengan lebih jelas dalam surat-menyurat tahun 1955, memperkukuh hujah bahawa isu wang serahan semakin dikendalikan sebagai liabiliti sivil yang boleh diselesaikan melalui mekanisme kewangan dan pentadbiran kolonial.

d) Pendekatan Perundangan Kerajaan Koloni Mahkota British

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kerajaan kolonial memilih untuk merujuk pertikaian tuntutan waris kepada Mahkamah Tinggi Borneo Utara bagi mendapatkan kepastian perundangan. Pendekatan ini mencerminkan prinsip *rule of law* dalam pentadbiran kolonial British, iaitu persoalan hak benefisial diputuskan melalui proses kehakiman dan bukan melalui keputusan eksekutif semata-mata. Melalui penghakiman oleh Ketua Hakim C. F. C. Macaskie, Mahkamah Tinggi Borneo Utara telah mengesahkan kesahihan tuntutan genealogi, pembahagian hak benefisial serta status undang-undang wang serahan yang tertunggak. Pendekatan ini juga menunjukkan bahawa kerajaan kolonial berusaha mengelakkan implikasi diplomatik yang lebih luas dengan membingkai (*framing*) isu tersebut sebagai pertikaian harta pusaka, bukannya sebagai pertikaian kedaulatan antarabangsa. Berdasarkan keputusan Macaskie di Mahkamah Tinggi Borneo Utara, setiap waris Sultan Sulu menerima bayaran wang serahan mengikut pecahan bahagian (*apportionment*) yang ditetapkan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Bayaran Wang Serahan kepada Waris Sultan Sulu

Nama Waris	Pecahan Bahagian
Dayang-Dayang Hadji Piandao Kiram	<i>Three eight</i>
Putli Tarhata Kiram	<i>Three sixteentins</i>
Putli Sakinur-In Kiram	<i>Three sixteenths</i>
Mora Hapsa	<i>One twenty-fourth</i>
Esmail Kiram	<i>One twenty-fourth</i>
Datu Punjungan Kiram	<i>One twenty-fourth</i>
Siti Rada Kiram	<i>One twenty-fourth</i>
Sitti Putli Jahara Kiram	<i>One twenty-fourth</i>

Sumber: Dipetik dan diubahsuai dari CO537/2181. Colonial Office and Predecessors. Confidential Original Correspondence. 1947. The National Archives (Kew, United Kingdom).

Berdasarkan Jadual 3, pembahagian menunjukkan bahawa Dayang-Dayang Hadji Piandao Kiram menerima bahagian terbesar, iaitu $\frac{3}{8}$ atau 37.5 peratus. Manakala Putli Tarhata Kiram dan Putli Sakinur-In Kiram masing-masing menerima $\frac{3}{16}$ atau 18.75 peratus. Secara kolektif, ketiga-tiga waris utama ini menerima agihan mengikut formula berikut: $\frac{3}{8} + \frac{3}{16} + \frac{3}{16} = \frac{6}{16} + \frac{3}{16} + \frac{3}{16} = \frac{12}{16} = \frac{3}{4}$. Pengiraan ini menunjukkan bahawa tiga orang waris utama menguasai $\frac{3}{4}$ atau 75 peratus daripada keseluruhan jumlah wang serahan, manakala baki 25 peratus lagi diagihkan kepada waris sampingan. Pembahagian ini menunjukkan Mahkamah Tinggi Borneo Utara memberi keutamaan kepada waris utama, yang terdiri daripada balu atau anak perempuan Sultan Jamalul Kiram II. Dari sudut, analisis sejarah-politik, dominasi $\frac{3}{4}$ bahagian ini menunjukkan bahawa mahkamah kolonial mengiktiraf prinsip keutamaan garis keturunan langsung (*direct lineal descent*), sejajar dengan logik undang-undang probet British yang memberi keutamaan kepada waris terdekat.

Manakala, lima orang waris seterusnya yang terdiri daripada enam individu, iaitu Mora Hapsa, Esmail Kiram, Datu Punjungan Kiram, Siti Rada Kiram dan Sitti Putri Jahara Kiram masing-masing menerima $\frac{1}{24}$ atau 4.17 peratus. Secara keseluruhan, bahagian bagi kumpulan waris sampingan ini adalah seperti formula berikut: $6 \times \frac{1}{24} = \frac{6}{24} = \frac{1}{4}$. Jumlah peratusan bagi kumpulan ini ialah 25 peratus daripada keseluruhan wang serahan. Hal ini menunjukkan pengiktirafan terhadap waris sampingan (*collateral heirs*) atau cabang keluarga yang lebih jauh, namun dalam kadar yang lebih kecil berbanding waris utama. Pendekatan ini menggambarkan prinsip kompromi, iaitu mahkamah tidak menafikan hak mereka sepenuhnya, tetapi menghadkan bahagian tersebut berdasarkan hierarki pertalian darah.

Keputusan ini memperlihatkan beberapa ciri penting. Pertama, tuntutan yang berasaskan adat dan struktur kesultanan telah ditafsir dan disahkan melalui Mahkamah Tinggi Borneo Utara. Kedua, Mahkamah hanya mengiktiraf hak terhadap wang serahan, bukannya hak kedaulatan politik. Ketiga, penggunaan pecahan matematik yang jelas menunjukkan usaha mentransformasikan struktur pewarisan tradisional kepada format perundangan moden yang boleh dikuatkuasakan secara pentadbiran. Dengan itu, isu wang serahan ditangani sebagai hak harta pusaka dan hak benefisial, bukan sebagai isu kedaulatan antarabangsa.

Berdasarkan Jadual 3 ini membuktikan bahawa pada tahun 1947, isu wang serahan berasaskan keputusan Mahkamah Tinggi Borneo Utara pada tahun 1939 telah ditempatkan dalam kerangka adjudikasi kolonial, iaitu ditangani sebagai hak harta pusaka peribadi, bukannya isu antarabangsa. Hal ini menyokong hujah bahawa selepas kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II hingga transformasi status Borneo Utara pada tahun 1946, pembayaran diteruskan dalam bentuk kewajipan kontraktual, bukannya sebagai pengiktirafan kedaulatan. Implikasinya, isu tuntutan waris Sultan Sulu semakin dipisahkan daripada persoalan penggantian kedaulatan. Keputusan Mahkamah Tinggi Borneo Utara juga menunjukkan bahawa keabsahan waris ditentukan melalui mekanisme kehakiman kolonial, bukannya melalui struktur adat Kesultanan Sulu semata-mata. Secara keseluruhan, pembahagian waris ini mencerminkan empat elemen utama. Pertama, keutamaan kepada garis keturunan langsung (75 peratus). Kedua, pengiktirafan terhad kepada waris sampingan (25 peratus). Ketiga, transformasi tuntutan tradisional kepada bentuk adjudikasi kolonial. Dan keempat, pemisahan jelas antara hak kewangan dengan tuntutan politik. Dengan itu, penghakiman Mahkamah Tinggi Borneo Utara ini merupakan bukti penting bawa isu wang serahan telah melalui proses penyahpolitikan dan domestikasi perundangan (*legal domestication*) dalam sistem kolonial British menjelang pertengahan abad ke-20.

Menurut satu dokumen rasmi bertarikh 23 Julai 1947, Ombra Amilbangsa, yang berasal dari Jolo, Filipina, telah bertindak dalam kapasiti beliau sebagai Pentadbir Harta Pusaka mendiang isterinya, Dayang Dayang Hadji Piandao Kiram. Pelantikan beliau sebagai pentadbir dibuat berdasarkan perintah Mahkamah Tingkat Pertama Sulu bertarikh 17 Julai 1947. Kedudukan ini memberinya autoriti undang-undang untuk mengurus dan mewakili harta pusaka tersebut, termasuk kepentingan yang dikaitkan dengan wilayah Borneo Utara (CO 537.21).

Dalam dokumen Surat Kuasa Wakil, Ombra Amilbangsa secara rasmi melantik Agripino P. Escareal sebagai peguam dan wakil sahnya. Pelantikan ini memberi kuasa penuh kepada Escareal untuk menuntut dan menerima sebarang jumlah wang yang telah atau mungkin terutang kepada harta pusaka itu daripada Kerajaan British atau mana-mana pihak yang mewarisi atau menjadi pengganti sah kepada kepentingan Overbeck. Tuntutan ini dirujuk secara langsung kepada Perjanjian 1878 yang dimeterai antara Overbeck dan Sultan Mohammad Jamalul Alam berhubung pentadbiran wilayah di Borneo

Utara. Dokumen tersebut secara jelas memperuntukkan bahawa Escareal diberi kuasa penuh untuk melaksanakan segala tindakan yang perlu bagi mencapai tujuan mandat waris, termasuk menuntut, menerima bayaran, mengeluarkan resit serta memberikan akuan pelepasan bagi pihak pemberi kuasa. Malah, Ombra turut menyatakan komitmennya untuk mengesahkan dan memperakui segala tindakan yang dilakukan secara sah oleh Escareal di bawah kuasa tersebut. Klausula ini penting dari sudut undang-undang kerana ia mengikat pemberi kuasa kepada segala tindakan wakilnya, sekali gus mengukuhkan kedudukan Escareal dalam sebarang rundingan atau tuntutan rasmi.

Lebih signifikan, Ombra menegaskan bahawa selaras dengan peruntukan Kanun Sipil Filipina mengenai pewarisan, beliau merupakan satu-satunya waris kepada keseluruhan harta pusaka isterinya, termasuk bahagian yang dikaitkan dengan wilayah Borneo Utara. Justeru itu, pelantikan Escareal bukan sekadar tindakan pentadbiran, tetapi satu langkah strategik untuk memperkukuh tuntutan waris terhadap bayaran yang dianggap sebagai "sewa" atau balasan bernilai hasil pendudukan dan pentadbiran berterusan wilayah tersebut oleh pihak British. Dokumen ini kemudiannya disahkan melalui proses notari di Manila pada 30 Julai 1947 oleh Antonio B. Del Rosario, Notari Awam dan direkodkan secara rasmi sebagai Dokumen No. 296, Halaman 61, Buku II, Siri 1947. Pengesahan notari ini memberikan status instrumen awam kepada dokumen tersebut, menjadikannya sah dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang (CO 537.21).

Dari sudut sejarah politik, dokumen ini memperlihatkan kesinambungan tafsiran waris Sultan Sulu bahawa Perjanjian 1878 merupakan kontrak pajakan dan bukannya penyerahan mutlak. Dengan merujuk secara eksplisit kepada kontrak antara Sultan Sulu dan Overbeck tersebut, serta menasaskan tuntutan terhadap "pengganti sah" kepentingan Overbeck, strategi ini mengekalkan naratif bahawa hak milik asal tidak pernah dilepaskan sepenuhnya, sebaliknya hanya dipajak dengan bayaran tahunan.

Dari sudut perundangan, penggunaan kerangka Kanun Sipil Filipina menunjukkan bahawa tuntutan tersebut cuba diperkukuh dalam sistem undang-undang nasional Filipina pasca kemerdekaan. Ia bukan lagi sekadar isu kolonial antara Sultan dan syarikat, sebaliknya telah dibingkai sebagai isu hak warisan yang sah menurut undang-

undang moden Filipina. Hal ini memperlihatkan transformasi tuntutan tradisional kepada bentuk keabsahan moden berasaskan dokumen sah, Surat Kuasa Wakil dan pengesahan notari.

Secara keseluruhannya, dokumen pelantikan kuasa wakil tahun 1947 ini mencerminkan usaha sistematik waris Sultan Sulu untuk menginstitusikan tuntutan mereka melalui mekanisme undang-undang formal. Dokumen ini sekali gus menjadi asas penting dalam evolusi pertikaian wang serahan Borneo Utara pada era pasca Perang Dunia Kedua.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya isu wang serahan dan kedudukan waris Sultan Jamalul Kiram II tidak boleh dianalisis secara terpencil daripada evolusi struktur kuasa dan perubahan status politik Borneo Utara. Perjanjian 1878 yang menjadi asas keabsahan pemerolehan wilayah oleh SBUB telah diwarisi oleh Koloni Mahkota melalui prinsip pewarisan negara. Walau bagaimanapun, makna perundangan perjanjian tersebut telah mengalami transformasi radikal melalui tiga fasa utama, iaitu penyahpolitikan tuntutan (1936), kesinambungan obligasi kontraktual (1946) dan domestikasi perundangan. Secara tuntas, kajian ini membuktikan bahawa institusi Kesultanan Sulu pasca-1936 tidak lagi berfungsi sebagai entiti politik berdaulat dalam sistem kolonial British. Evolusi status Borneo Utara sepanjang tempoh 1878–1946 bukanlah satu perubahan mendadak, melainkan proses transformasi institusi yang sistematik untuk mengintegrasikan hak tradisional ke dalam mekanisme adjudikasi kolonial. Oleh itu, isu wang serahan tidak harus ditafsirkan secara semantik melalui istilah 'padjak' semata-mata, sebaliknya perlu dinilai melalui realiti perubahan struktur autoriti dan kedaulatan berkesan yang dibina oleh British di lapangan.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

- CO 537/2181. (1947) Borneo. Heirs of Sultan of Sulu 1947. The National Archives (Kew, United Kingdom).*
- CO 1022/217. (1952-1955) Payment of Cession Monies to Living Heirs of the Sultan of Sulu, North Borneo. The National Archives (Kew, United Kingdom).*

- CO 874/22. (1878, January 22) *Agreements, Assignments, Commissions, Conveyances, Deeds, Leases, etc. Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands from Pandasan to Sibuku River on the Mainland of the Island of Borneo. The National Archives (Kew, United Kingdom).*
- CO 874/23. (1878, January 22) *Agreements, Assignments, Commissions, Conveyances, Deeds, Leases, etc. Commission from the Sultan of Sulu Appointing Baron de Overbeck Dato Bendahara and Raja of Sandakan. The National Archives (Kew, United Kingdom).*
- CO 874/53. (1903, April 22) *Agreements, Assignments, Commissions, Conveyances, Deeds, Leases, etc. Confirmation by Sultan of Sulu of Cessions of Certain Islands. The National Archives (Kew, United Kingdom).*
- CO 874/942. (1917-1939) *Correspondence. Sulu Sultanate & Claims for Cession Money. The National Archives (Kew, United Kingdom).*
- CO 874/943. (1940-1948) *Correspondence. Sulu Sultanate & Claims for Cessions Money. The National Archives (Kew, United Kingdom).*

Buku dan Jurnal

- Allen, J. de V., Stockwell, A. J. & Wright, L. R. (1981). *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia, 1791–1963, Vol. II.* London: Oceana Publications.
- Al-Sufri, M. J. (1990a). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam.* Bandar Segi Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Al-Sufri, M. J. (1990b). *Latar Belakang Sejarah Brunei.* Negara Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Black, I. D. (1923). *A Native North Administration by the British Borneo Chartered Company Rule in Sabah. 1878-1915.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Black, I. D. (1983). *A Gambling Style of Government the Establishment of Chartered Company Rule in Sabah. 1878-1915.* Kuala Lumpur: Oxford University Press
- Majul, C. A. (1973). *Muslims in the Philippines.* Quezon City: University of the Philippines Press.
- Mohd Ariff Bin Dato Hj. Othman. (1988). *Tuntutan Filipina terhadap Sabah.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Anuar Nik Mahmud. (2009). *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Connell, D. P. (1967). *State Succession in Municipal Law and International law* (Vols.1–2). England: Cambridge University Press.
- Oppenheim, L. (1955). *International Law: A Treatise*. Toronto: Longmans.
- Rutter, O. 1922. *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*. London: Constable & Company Ltd.
- Saunders, G. (1980). *The Development of British Malaya 1896–1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, N. (1971). *Britain, the Brooke, and Brunei*. United Kingdom. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, N. (1978). *Sulu and Sabah: A Study of British Policy Towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tregonning, K. G (1960). *North Borneo*. London: Her Majesty's Stationery Office.
- Tregonning, K. G (1965). *A History of Modern Sabah North Borneo (1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tregonning, K. G. (2007). *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*. London: Oxford University Press.
- Wright, L. R. (1970). *The Origins of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.